

Newspaper	Date	Colum/Page
UTUSAN MALAYSIA	7 JANUARI 2012/ SABTU	PERSONALITI/ MS 19

> PERSONALITI

Jaja nama PNMB seluruh negara

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD

SEJAK menjawat sebagai Pengarah Urusan Percetakan Nasional Malaysia Bhd., (PNMB), Izham Yusuf (**gambar**) mengakui kerjanya lebih banyak bertumpu untuk mengembalikannya kegemilangan PNMB sebagai sebuah syarikat percetakan premier atau sekurang-kurangnya tidak menjadi jaguh kampung.

Bagi beliau pengalaman mengemudi Amanah Raya Bhd., dan KUB (M) Bhd., banyak memberi pengalaman bagaimana untuk membina sebuah jenama kukuh untuk bersaing di dalam industri.

Meskipun menjawat jawatan nombor satu di PNMB, Izham lebih selesa untuk memainkan peranannya sebagai 'penjual' jenama PNMB ke seluruh negara.

"Saya berhasrat untuk menjadikan PNMB sebagai sebuah syarikat percetakan premier atau pusat penyelesaian setempat bagi kerja-kerja percetakan bukan sahaja dari kontrak-kontrak kerajaan malah kerja-kerja dari syarikat swasta.

"Kalau boleh saya tidak mahu PNMB menjadi sebagai jaguh kampung dan muncul antara syarikat percetakan terkemuka di rantau Asia Tenggara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Izham, PNMB mula ber-

sikap lebih terbuka kepada kerja-kerja yang diperoleh dari syarikat-syarikat swasta sama ada dari bank, utiliti, agensi-agensi kerajaan dan pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

Imej atau persepsi yang mengatakan PNMB adalah untuk meraih kontrak-kontrak dari kerajaan perlu diketepikan kerana kelangsungan hidup PNMB kini bukan lagi ke arah pendapatan daripada kontrak-kontrak tersebut.

"Untuk bersaing kita mesti pergi lebih dari itu, yang kerajaan kita masih melakukan kerja-kerja mereka tetapi untuk 'survival' syarikat

kita perlu lebih terbuka kepada syarikat-syarikat luar," kata Izham.

Berikutan itu, mulai tahun 2012 syarikat percetakan milik kerajaan itu merancang untuk melakukan perubahan drastik bagi membolehkan jenama PNMB berkembang selaras dengan usianya yang hampir 70 tahun itu.

Jelas Izham, pendekatan yang diambil itu sebenarnya memberinya banyak idea untuk terus memperbaiki keupayaan PNMB di mata masyarakat.

"Kita akan terus berkembang dan berkembang selaras dengan hasrat untuk menjadi antara pemain utama di dalam industri percetakan negara dan serantau," katanya.

